

Kepada:

Pmk Timbalan Pengarah Noor Dafinah Hj Jelani
Pmk Timbalan Pengarah Khoo Tek Ying
PPK Desimawati Hj Metali
PPK Irwan Hj Mohammad Noor
PPK Hjh Emma Farhana Abd Pakar
PPK Dr. Aqilah Hj Junaidi

PPK Yati Hj Ahmad
Pmk PPK Hjh Zuliza Haji Jolkifli
PP Pengiran Siti Norhaziyah Pengiran Hj Abd Halim
PP Dayangku Norul Serimah Pengiran Hj Seruji
SFA Haji Abdul Aziz bin Haji Abdul Rahman
SFLO Abdul Qaiyum bin Haji Musa

MAKLUMAN MENGENAI PENGAWALAN PENANGKAPAN DAN PENGIMPORAN UDANG BAKARA DAN KETAM KE NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Dengan penuh hormat sukacita merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, menjunjung perkenan warkah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam bilangan HHPO 42/1971/III bertarikh 31hb. Disember 2024, Jabatan Perikanan menguatkuasakan **pengawalan aktiviti penangkapan dan pengimportan udang bakara dan ketam ke Negara Brunei Darussalam bermula 1hb. Januari 2026** dengan objektif berikut:

- 2.1 Memastikan aktiviti penangkapan udang bakara dan ketam tidak menyebabkan kesan negatif kepada populasi semulajadi melalui penggunaan amalan penangkapan yang mampan;
- 2.2 Mengukuhkan pengurusan dan pengawalan bagi aktiviti penangkapan dan penjualan udang bakara dan ketam, selaras dengan amalan-amalan di negara-negara lain; dan
- 2.3 Meningkatkan kesedaran nelayan-nelayan dan orang awam melalui pemberigian mengenai kepentingan memastikan stok bekalan yang mampan melalui pengawalan aktiviti penangkapan.

3. Sehubungan dengan itu, sukacita dimaklumkan bahawa **Syarat-Syarat Lesen Alat Menangkap Ikan di bawah Seksyen 8 (1) Akta Perikanan (Penggag 61)** telah dikemaskinikan bagi memastikan udang bakara dan ketam yang dinyatakan di bawah yang ditangkap hendaklah dilepaskan dengan serta-merta tanpa merosakkan spesies berkenaan:

- 3.1 Udang bakara yang mempunyai ukuran panjang kepala kurang daripada 7.5 cm;
- 3.2 Udang bakara yang bertelur;
- 3.3 Ketam yang mempunyai ukuran lebar badan kurang daripada 11.5cm; dan
- 3.4 Ketam yang bertelur.



**UDANG BAKARA YANG
PANJANG KEPALA
BERSAIZ KURANG
DARIPADA 7.5CM**



**KETAM KECIL
BERSAIZ KURANG
DARIPADA 11.5CM**



**UDANG BAKARA
YANG BERTELUR**



**KETAM
YANG BERTELUR**

4. Sehubungan dengan ini, sukacita dimaklumkan bahawa **Senarai Spesies Ikan Yang Dikawal Oleh Jabatan Perikanan Daripada Diimport Bagi Tujuan Perniagaan** juga telah dikemaskinikan selaras dengan penguatkuasaan kawalan pengimportan udang bakara dan ketam ke Negara Brunei Darussalam seperti yang dinyatakan di atas.

(Handwritten signature)

5. Selain itu, sukacita dimaklumkan bahawa tindakan penguatkuasaan undang-undang ke atas kes-kes kesalahan melanggar syarat-syarat lesen alat menangkap ikan dan permit / lesen import ikan, khususnya bagi spesies udang bakara dan ketam yang dikawal oleh Jabatan Perikanan, juga telah dikemaskinikan, iaitu seperti berikut:

PELANGGARAN SYARAT-SYARAT LESEN ALAT MENANGKAP IKAN

JENIS NELAYAN	GARIS PANDUAN TINDAKAN
Nelayan Kecil-kecilan Persendirian	Kesalahan Pertama – Amaran bertulis Kesalahan Kedua - Kompaun \$50.00 Kesalahan Ketiga dan seterusnya - Kompaun \$100.00
Nelayan Kecil-Kecilan Bersyarikat	Kesalahan Pertama - Kompaun \$250.00 Kesalahan Kedua - Kompaun \$500.00 Kesalahan Ketiga - Kompaun \$1,000.00 Kesalahan Keempat dan seterusnya - Didakwa di Mahkamah
Nelayan Komersial Menggunakan Kapal	Kesalahan Pertama - Kompaun \$500.00, lesen alat menangkap ikan dibatalkan dan digantung aktiviti penangkapan ikan selama tiga (3) bulan Kesalahan Kedua - Kompaun \$1,000.00, lesen alat menangkap ikan dibatalkan dan digantung aktiviti penangkapan ikan selama enam (6) bulan Kesalahan Ketiga dan seterusnya - Didakwa di Mahkamah

Nota: Udag Bakara dan Ketam diserahkan ke Jabatan Perikanan untuk dilupuskan.

PELANGGARAN SYARAT-SYARAT PERMIT / LESEN IMPORT IKAN

JENIS KESALAHAN	GARIS PANDUAN TINDAKAN
Tidak mempunyai Permit/Lesen Import Ikan yang Sah	Kesalahan Pertama – Amaran Bertulis Kesalahan Kedua - Kompaun \$100.00 Kesalahan Ketiga - Kompaun \$500.00 Kesalahan Keempat dan seterusnya - \$1000
Melanggar Syarat-Syarat Permit Import Ikan (Persendirian)	
Melanggar Syarat-Syarat Lesen Import Ikan (Tujuan Perniagaan)	Kesalahan Pertama - Kompaun \$500.00 dan digantung aktiviti import selama tiga (3) bulan Kesalahan Kedua - Kompaun \$1,000.00 dan digantung aktiviti import selama enam (6) bulan Kesalahan Ketiga dan seterusnya - Didakwa di Mahkamah
Penjualan Ikan yang Ditegah	Kesalahan Pertama dan seterusnya – Peringatan Bertulis kepada Penjual dan ikan tegahan akan dirampas untuk dilupuskan

6. Bagi rujukan Syarat-Syarat Lesen Alat Menangkap Ikan di bawah kawalan Jabatan Perikanan dan Senarai Spesies Ikan yang dikawal oleh Jabatan Perikanan daripada diimport bagi tujuan perniagaan yang telah dikemaskinikan di atas bolehlah dimuat turun melalui laman sesawang rasmi Jabatan Perikanan di www.fisheries.gov.bn.

7. Sehubungan dengan ini, sukacita dipohonkan kerjasama daripada Ketua-Ketua Divisyen untuk menyampaikan mengenai perkara di atas kepada pegawai-pegawai dan kakitangan di bawah jagaan masing-masing bagi memastikan pelaksanaan dan pematuhan yang berkesan. Sekian disampaikan untuk makluman bersama.

“Bersatu Bersama Berbangsa, Beragama Dan Beraja”

Wassalam.

Dengan hormat,

HAJAH WANIDAWATI BINTI HAJI TAMAT
Pemangku Pengarah Perikanan